



GARIS PANDUAN KAEDAH PENJAJAAN DAN PERMIT PENJAJAAN BERMUSIM DI SEBERANG PERAI

**JABATAN PELESENAN
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

DILULUSKAN DALAM MESYUARAT MAJLIS PENUH KE-613 (BIL. 7/2025) 29 JULAI 2025

Isi Kandungan	Muka Surat
1. Tujuan	3
2. Latar Belakang	3
3. Punca Kuasa	4
4. Tafsiran	4
5. KONSEP PENJAJAAN	5
5.1 Penjaja Beredar	
5.1.1 Penjaja Beredar Berkenderaan	5-7
5.1.2 Penjaja Beredar Tanpa Berkenderaan	8
5.2 Penjaja Statik	8
5.3 Penjaja Sementara	8
5.4 Kawasan Dibenarkan Menjaja	9
5.5 Kawasan Larangan Menjaja	10
5.6 Syarat-syarat Am Penjaja Di Seberang Perai	10
5.7 Syarat-syarat Pelesenan	10
5.7.1 Pengendali Makanan	12
5.7.2 Penjaja Beredar	12
5.3 Penjaja Statik	13
5.8 Jenis-jenis Barang Jualan Yang Tidak Dibenarkan	
6. PERMIT PENJAJAAN BERMUSIM	14
6.1 Punca Kuasa	14
6.2 Jenis Aktiviti Penjajaan Bermusim Yang Dibenarkan	15
6.3 Konsep Penjajaan Bermusim	15
6.4 Lokasi Penjajaan	15
6.5 Tempoh Permit Penjajaan	15
6.6 Fi Bayaran	16
LAMPIRAN 1 – Senarai Lokasi Penjajaan Buahhan Bermusim	
LAMPIRAN 2 – Senarai Lokasi Perniagaan Sedia Ada Bagi Aktiviti Perniagaan Bermusim	
LAMPIRAN 3 – Contoh Lokasi Penjajaan	
LAMPIRAN 4 – Contoh Lokasi Penjajaan Bermusim	

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk mengatur, menyelia dan memberi panduan kepada para penjaja berkaitan aspek dan kaedah penjajaan di seluruh kawasan Seberang Perai dengan mengambil kira keperluan peruntukan undang-undang, konsep perniagaan dan kesesuaian kawasan setempat untuk aktiviti penjajaan dan penetapan larangan-larangan yang ditetapkan kepada penjaja.

Selain mewujudkan peluang kepada para penjaja dalam kalangan penduduk tempatan untuk menjana pendapatan keluarga, penentuan lokasi perniagaan hendaklah selamat, sesuai dari segi kebersihan dan alam sekitar serta tidak menimbulkan kagang kepada penduduk setempat, juga sebagai rekod atau maklumat bagi mengawal dan merancang pembangunan perniagaan di kawasan seliaan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

2. LATAR BELAKANG

Seberang Perai adalah salah satu bandar yang sedang berkembang maju. Seiring dengan kemajuan ekonomi dan kesejahteraan hidup penduduk setempat, perniagaan secara kecil-kecilan adalah alternatif bagi penduduk untuk menjana ekonomi keluarga sekaligus dapat meningkatkan pendapatan bagi yang menjalankannya secara sampingan mahupun sebagai sumber mata pencarian utama.

Walau bagaimanapun, aktiviti penjajaan yang dijalankan secara tidak terkawal akan mendatangkan masalah-masalah kepada masyarakat setempat sekaligus dapat memberi imej yang kurang baik kepada Majlis khususnya dan Seberang Perai secara amnya. Antara masalah yang timbul adalah lokasi perniagaan yang berbahaya kepada pelanggan dan pengguna jalanraya, kegagalan pengurusan sampah yang sempurna, risiko keracunan makanan kepada pelanggan dan juga pembinaan gerai-gerai yang tidak sempurna / tidak terurus.

Keadaan ini berlaku akibat daripada ketiadaan garis panduan yang khusus untuk rujukan para penjaja dalam aktiviti perniagaan masing-masing dan kurangnya kesedaran terhadap kemungkinan implikasi yang mungkin timbul kesan daripada aktiviti tersebut kepada golongan yang tidak berkepentingan.

Sejajar dengan kuasa Majlis dibawah seksyen 107 (1) Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) juga akan memberikan lesen dan permit-permit yang bersesuaian dengan aktiviti yang dipohon.

3. PUNCA KUASA

- i. Seksyen 107, Akta Kerajaan Tempatan 1976.
- ii. Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1991

4. TAFSIRAN

Penjaja termasuklah penjaja beredar, statik dan sementara.

Penjaja beredar ertinya mana-mana orang yang dengan atau tanpa kenderaan pergi dari setempat ke setempat untuk mempamerkan, mengedarkan atau menyerahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang dari apa-apa jenis.

Penjaja statik ertinya mana-mana orang mendirikan gerai di mana-mana tempat awam atau premis persendirian dan menjual atau mempamerkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang dari apa-apa jenis.

Penjaja sementara ertinya mana-mana orang yang kadangkala mendirikan gerai dan menjual atau mempamerkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang dari apa-apa jenis yang ditetapkan bagi maksud itu oleh Pegawai Pelesen bagi tempoh yang ditentukan dalam lesen.

Perniagaan bermusim ertinya perniagaan yang hanya beroperasi atau mendapat permintaan tinggi pada hari-hari perayaan, sambutan, upacara istimewa dan musim buah-buahan tempatan.

5. KONSEP PENJAJAN

5.1 PENJAJA BEREDAR

5.1.1 PENJAJA BEREDAR BERKENDERAAN

- a) Kenderaan yang dibenarkan digunakan dalam aktiviti penjajaan beredar adalah seperti berikut:

i. Lori Pick Up



ii. Motosikal



iii. Van



iv. Kereta



v. Basikal



vi. Pacuan Empat Roda



5.1.2 PENJAJA BEREDAR TANPA KENDERAAN

- a) Penjaja menjalankan penjajaan di sesuatu lokasi secara kekal tetapi hanya menggunakan peralatan perniagaan seperti meja, kerusi, payung atau kanopi.
- b) Penjaja hanya menjalankan penjajaan dalam tempoh masa tertentu dan perlu mengosongkan lokasi penjajaan daripada sebarang perletakan peralatan perniagaan.

5.2 PENJAJA STATIK

- i. Penjajaan dengan mendirikan gerai yang ditempatkan secara tetap di suatu tempat dengan kelulusan Majlis.
- ii. Lokasi dan saiz gerai mestilah bersesuaian dan diluluskan oleh Majlis.
- iii. Penggunaan kanopi, payung, meja, gerai dan peralatan adalah dalam keadaan teratur dan kemas dan hendaklah mengalih semua peralatan penjajaan setelah tamat aktiviti penjajaan.
- iv. **Penjajaan burger** adalah dibenarkan oleh Majlis bagi perletakan gerai secara statik mengikut kesesuaian tempat yang tidak boleh mengganggu lalulintas dan tidak melibatkan binaan tambahan kekal seperti lantai, bumbung dan penutup konkrit.
- v. Kawasan larangan menjaja adalah seperti di para 5.5.

5.3 PENJAJA SEMENTARA

- i. Penjajaan sementara yang ditempatkan di suatu tempat hendaklah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis.
- ii. Jenis aktiviti penjajaan yang dibenarkan adalah jualan apa-apa makanan, minuman dan barang dari apa-apa jenis.
- iii. Penggunaan kenderaan, kanopi, payung, meja, gerai dan peralatan adalah dalam keadaan teratur dan kemas.
- iv. Mengalih semua peralatan penjajaan setelah tamat aktiviti penjajaan.
- v. Bagi aktiviti penganjuran, perletakan tempat letak kereta pengunjung, laluan masuk dan keluar kenderaan hendaklah dikawal selia oleh penganjur.

5.4 KAWASAN DIBENARKAN MENJAJA

Kawasan yang dibenarkan menjaja adalah seperti berikut :

- i. Tapak penjaja di atas tanah persendirian dan tidak menyebabkan kesesakan lalulintas dengan kelulusan tuan tanah.
- ii. Tapak yang dikhaskan oleh Majlis.
- iii. Kawasan yang tidak sibuk dan tidak menimbulkan kesesakan.
- iv. Kawasan tempat letak kereta dengan kebenaran Majlis selepas waktu warta dibawah perintah.
- v. Jalan susur yang kurang menjadi tumpuan penggunaan.

5.5 KAWASAN LARANGAN MENJAJA

Kawasan penjajaan serta lokasi yang tidak dibenarkan untuk sebarang aktiviti penjajaan di Seberang Perai adalah seperti berikut:-

- i. Radius 9 meter dari semua persimpangan jalan.
- ii. Di bahu Jalan Persekutuan, Negeri dan Bandaran yang mempunyai kelebaran bahu jalan kurang dari 3 meter atau 10 kaki atau mempunyai bahu jalan yang dibina dan ditinggikan.
- iii. Di jalan yang tidak mempunyai ruang letak kenderaan di mana pelanggan berurusan akan meletak kenderaan di atas jalan.
- iv. Kawasan sekolah (40 meter dari pagar sekeliling sekolah, serta dibaca bersama garis panduan dari agensi penguatkuasaan yang berkaitan).
- v. Kawasan pasar awam, bangunan-bangunan pejabat Majlis atau kerajaan, tempat-tempat awam dan lain-lain agensi yang memerlukan kelegaan lalulintas dari aspek keselamatan dan kecemasan (50 meter) kecuali penganjuran.
- vi. Sekitar kawasan pejabat Kerajaan / hospital / pusat kesihatan / hadapan klinik kerajaan / swasta (50 meter daripada pintu pagar).
- vii. Kawasan larangan yang diwartakan dalam Jadual Pertama, Undang-Undang Kecil (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1991.
- viii. Kawasan industri dan laluan kenderaan berat (Kecuali Pusat Penempatan Sementara sedia ada Majlis Bandaraya Seberang Perai)
- ix. Tidak dibenarkan menjaja dalam lingkungan radius 3.6 meter daripada Pili Bomba dan sub stesen Tenaga Nasional Berhad (TNB).
- x. Di atas tangga, kaki lima atau tempat lapangan awam yang berturap melainkan jika dibenarkan oleh Majlis.
- xi. Mana-mana kawasan yang boleh menimbulkan masalah gangguan kepada lalu lintas dan pejalan kaki.

5.6 SYARAT-SYARAT AM PENJAJA DI SEBERANG PERAI

- i. Hanya warganegara Malaysia sahaja dibenarkan dan dilesenkan untuk menjalankan aktiviti penjajaan di kawasan Seberang Perai. Warganegara berumur 15 tahun ke atas adalah dibenarkan membantu dengan melaksanakan pekerjaan ringan seperti yang tertakluk di bawah seksyen 1A dan 2(2A) Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pekerjaan) 2019.
- ii. Hanya Warganegara Malaysia sahaja yang dibenarkan menjadi pembantu jualan.
- iii. Pemegang lesen hendaklah mematuhi Akta Kerajaan Tempatan 1976, Undang-Undang Kecil Penjaja Majlis Perbandaran Seberang Perai 1991 dan Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan Majlis Perbandaran Seberang Perai 1991 serta segala arahan dan peraturan yang dikeluarkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.
- iv. Lesen / permit penjaja yang telah diluluskan hendaklah dipamerkan semasa aktiviti penjajaan dijalankan.
- v. Penjaja perlu memastikan keadaan gerai atau kenderaan yang digunapakai untuk penjajaan berada dalam keadaan kemas, bersih, selamat dan sesuai digunakan.
- vi. Penjaja tidak dibenar meninggalkan peralatan / perkakasan perniagaan atau perdagangan selepas jualan.
- vii. Penjaja hanya dibenarkan menjalankan penjajaan di tapak yang diluluskan pihak Majlis sahaja.
- viii. Penjaja perlu memberi kerjasama dan mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pihak Majlis dari semasa ke semasa.

5.7 SYARAT-SYARAT PELESENAN

5.7.1 PENGENDALI MAKANAN

- i. Setiap pengendali makanan wajib mendapatkan suntikan Anti Typhoid (Typhim VI) dari mana-mana pengamal perubatan yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
- ii. Pengendali makanan perlu berada dalam keadaan yang sihat dan bebas daripada sebarang penyakit berjangkit.
- iii. Setiap pengendali makanan wajib menghadiri kursus pengendalian makanan daripada mana-mana pusat yang diiktiraf dan perlu dikemukakan apabila dikehendaki oleh pihak Majlis.

- iv. Pengendali makanan yang terlibat perlu memastikan kebersihan diri dan berada dalam keadaan yang baik.
- v. Pemakaian apron, penutup kepala, berkasut tutup dan pakaian yang bersih adalah diwajibkan. Penggunaan selipar adalah dilarang.
- vi. Pengendali makanan adalah dilarang melakukan perkara-perkara seperti berikut semasa menyediakan makanan:-
 - i. Merokok atau menghisap rokok elektronik.
 - ii. Meludah dan membuang hingus.
 - iii. Batuk atau bersin berhampiran makanan.
 - iv. Menggunakan pakaian untuk mengelap anggota badan dan peralatan penjajaan.
 - v. Menutup makanan dengan menggunakan bahan-bahan yang boleh mencemarkan makanan seperti surat khabar dan bekas yang tidak bersih.
 - vi. Memakai barang kemas seperti cincin, gelang dan lain-lain perhiasan diri.
 - vii. Menggunakan perkhidmatan pembantu jualan berumur 15 tahun kebawah.
 - viii. Penggunaan polistirena (*polystyrene*) dan penyedut minuman plastik adalah dilarang.
 - ix. Penggunaan plastik sekali guna tidak digalakkan.

5.7.2 SYARAT PENJAJA BEREDAR

- i. Setiap individu yang menjalankan penjajaan beredar perlu mendapatkan lesen dari Majlis.
- ii. Penjaja hendaklah menjalankan perniagaan di lokasi yang dibenarkan oleh Majlis sahaja. Tidak dibenarkan meletakkan kenderaan di lokasi yang dilarang perletakan kenderaan termasuk di dalam petak letak kereta MBSP. (Kecuali yang dibenarkan oleh Majlis)
- iii. Perletakan peralatan perniagaan atau perdagangan seperti alat kelengkapan memasak, meja, payung, kanopi, kerusi dan lain-lain yang berkaitan hendaklah tidak mengganggu aliran lalu lintas serta menyebabkan kacau ganggu kepada orang awam. Sekiranya terdapat aduan, pihak Majlis berhak untuk membatalkan lesen penjajaan tersebut dengan serta merta.
- iv. Kenderaan yang digunakan bagi tujuan penjajaan hendaklah dari jenis yang bersesuaian dan diluluskan Majlis, serta mempunyai kelulusan dari Pihak Berkuasa yang berkenaan serta tanggungan insurans bagi kenderaan tersebut.

5.7.3 SYARAT PENJAJA STATIK

- i. Setiap individu yang menjalankan perniagaan secara penjajaan di bahu jalan perlu mendapatkan kelulusan Majlis sebelum memulakan sebarang perniagaan.
- ii. Penjaja dilarang menjalankan penjajaan di kawasan larangan menjaja.
- iii. Penjaja tidak dibenarkan membuat sebarang binaan atau struktur kekal.
- iv. Penjaja perlu menyediakan tong sampah yang sesuai, bertutup dan mencukupi di kawasan penjajaan masing-masing. Pengurusan sampah yang efektif amat dititikberatkan untuk mengelakkan kacauganggu haiwan / vektor dan lain-lain risiko yang boleh memberi kesan terhadap kesihatan.
- v. Sisa makanan perlu dimasukkan ke dalam beg plastik dan diikat dengan kemas sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah.
- vi. Penjaja tidak dibenarkan membuang sisa makanan dan bahan buangan ke dalam longkang, parit atau mana-mana tempat awam lain.
- vii. Penjaja perlu memastikan tiada peralatan dan perkakasan penjajaan ditinggalkan di lokasi penjajaan. Kegagalan untuk mematuhi semua syarat boleh menyebabkan lesen ditarik balik secara serta-merta. Tindakan penguatkuasaan boleh diambil dibawah mana-mana Akta yang berkuatkuasa.

5.8 JENIS-JENIS BARANG JUALAN YANG TIDAK DIBENARKAN

- i. Barang tiruan, cetak rompak, lucah dan lain-lain barangan yang diharamkan.
- ii. Barangan merbahaya seperti mempunyai unsur senjata dan mudah meletup (kecuali yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa berkenaan).
- iii. Lain-lain barang atau makanan dan minuman yang menyalahi undang-undang, peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh agensi yang berkaitan.

6. PERMIT PENJAJAAN BERMUSIM

6.1 PUNCA KUASA

- Seksyen 107 Akta Kerajaan Tempatan 1976
- Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1991
- Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1991

6.2 JENIS AKTIVITI PENJAJAAN BERMUSIM YANG DIBENARKAN

JENIS MUSIM / PERAYAAN	JENIS PENJAJAAN BERMUSIM
a) Musim perayaan, hari-hari perayaan (Hari Raya Aidilfitri & Aidiladha, Deepavali, Tahun Baru Cina dan lain-lain perayaan)	<ul style="list-style-type: none"> i. Lemang / Ketupat dan atau kedua-duanya ii. Kuih / biskut raya iii. Mercun / bunga api iv. Hamper v. Kelengkapan / barangan perayaan / sembahyang / makanan vi. Lain-lain yang dibenarkan oleh MBSP
b) Musim persekolahan	Peralatan atau kelengkapan persekolahan
c) Buah-buahan bermusim	Buah-buahan sahaja (Durian, Rambutan, Manggis, Cempedak, Duku, Langsung, Dokong, Pulasan, Mangga Harum Manis)
d) Lain-lain	Promosi jualan berbentuk sementara di kawasan terbuka selain dalam pasaraya / pusat beli belah

6.3 KONSEP PENJAJAAN BERMUSIM

- i. Penjajaan adalah secara kaedah statik, beredar atau sementara.
- ii. Penjaja perlu menjalankan penjajaan di satu-satu tempat dengan kelulusan Majlis.
- iii. Kaedah penjajaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

a. Kanopi / Payung

- i. Saiz dan jumlah kanopi dibenarkan akan ditentukan oleh Majlis.
- ii. Kenderaan yang digunakan adalah dari jenis yang bersesuaian dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa berkaitan.
- iii. Perlu memiliki lesen dan kelulusan Pihak Berkuasa berkaitan.
- iv. Tidak boleh menjalankan penjajaan di atas tempat letak kereta awam kecuali dengan kebenaran Majlis.

6.4 LOKASI PENJAJAAN

Lokasi penjajaan yang dibenarkan adalah seperti di **Lampiran 1 dan Lampiran 2**. Senarai lokasi penjajaan akan dikemaskini dari semasa ke semasa.

6.5 TEMPOH PERMIT PENJAJAAN

Buah-Buahan Bermusim	Minimum satu (1) bulan / Maksimum enam (6) bulan
Lain-Lain	Maksimum enam (6) bulan

6.6 FI BAYARAN

Fi bayaran yang ditetapkan adalah berdasarkan Undang-Undang Kecil Penjaja Majlis Perbandaran Seberang Perai 1991 dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984

<p>a. PERMIT PENJAJA BERMUSIM</p>	<ul style="list-style-type: none"> • RM15.00 Sebulan (Tertakluk kepada Undang-Undang Kecil Penjaja Majlis Perbandaran Seberang Perai 1991)
<p>b. Fi PROSES</p>	<ul style="list-style-type: none"> • RM30.00
<p>c. CAGARAN PERMIT</p>	<ul style="list-style-type: none"> • RM250.00
<p>d. PERMIT KANOPI</p>	<ul style="list-style-type: none"> • RM10.00 per 9 Meter persegi atau minimum RM100.00 (setahun) • RM20.00 / Pelekat per kanopi (setahun) <p>(Tertakluk kepada Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1986)</p>
<p>e. BAYARAN TEMPAT LETAK KERETA (TLK) BERWARTA</p>	<ul style="list-style-type: none"> • RM12.00 / Sehari / Petak <p>(Larangan aktiviti penjajaan semasa tempoh warta)</p>
<p>f. Fi PENGURUSAN SAMPAH (DURIAN SAHAJA)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • RM150.00 Sebulan (Tong tidak disediakan) Penggunaan Tong ro-ro diuruskan sendiri



Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Jabatan Pelesenan

**Menara Bandaraya
Jalan Perda Utama
Bandar Perda
14000 Bukit Mertajam**

**Tel: 04-5497 680
pelesenan@mbsp.gov.my**

LAMPIRAN 1

SENARAI LOKASI PENJAJAAN BUAHAN BERMUSIM SEDIA ADA				
BIL	DAERAH	KOD	SENARAI LOKASI PENJAJAAN	JENIS PENJAJAAN
1	SEBERANG PERAI UTARA (SPU)	1	Bersebelahan Caltex Penaga (selepas tapak penempatan penjaja)	Buahan Bermusim
		2	Lorong Sintok (Tapak penempatan penjaja Permatang Sintok)	Buahan bermusim
		3	Hadapan Kompleks Taman Bertam Permai (Bersebelahan Terowong Permatang Tinggi)	Buahan Bermusim
		4	Jalan Susur Berhadapan Tapak Pasar Malam Sungai Dua, Jalan Sungai Dua 1	Buahan Bermusim
		5	Hadapan Rumah Kedai Taman Pokok Sena, Taman Koskam	Buahan Bermusim
		6	Jalan Susur Taman Sungai Dua Taman Sungai Dua Utama (Bersebelahan Char Koay Teow)	Buahan Bermusim
		7	Dewan Besar Jalan Sg Dua	Buahan Bermusim
		8	Tapak Parkir Dewan MPKK Simpang 4, Permatang Buloh	Lemang/Buahan Bermusim
		9	Jalan Berhadapan Kompleks Sin Tatt, Jalan Raja Uda	Buahan Bermusim
		10	Jalan Ong Yi How (Berhadapan 99 Speedmart)	Buahan Bermusim
		11	Jalan Raja Uda (Berhadapan Johan Motor), Jalan Bunga Raya	Buahan Bermusim
		12	Tanah Lapang Jalan Bunga Tanjung	Hamper/Buahan Bermusim/Biskut Raya
2	SEBERANG PERAI TENGAH (SPT)	1	Tanah Lapang Jalan Permatang Pauh (tapak lama Stesyen Minyak Petron Permatang Pauh)	Buahan Bermusim
		2	Bertentangan Hadapan Pasar Awam Berapit, Jalan Berapit	Buahan Bermusim
		3	Jalan Susur Hadapan Kompleks Astaka Perda, Bandar Perda	Buahan Bermusim
		4	Caltex Jalan Song Bang Kheng Bukit Mertajam	Buahan Bermusim

		5	Hadapan Wonderful, Taman Machang Bubok	Buahan Bermusim
		6	Tapak Pasar Pagi, Taman Machang Bubok	Buahan Bermusim
		7	Perkarangan Tapak Pasar Pagi Permatang Tinggi Bukit Mertajam	Buahan Bermusim
		8	Bersebelahan BHP Jalan Permatang Tinggi Bukit Mertajam	Buahan Bermusim
		9	Kawasan Lapang, Bersebelahan Pasar Awam Perkampungan Juru	Buahan Bermusim
		10	Petron Jalan Baru	Buahan Bermusim
		11	Jalan Susur Bersebelahan Shell Jalan Baru	Buahan Bermusim
		12	Tanah Lapang Jalan Seladang (Berhadapan Rumah Kedai Taman Nirwana)	Buahan Bermusim
		13	Petronas Jalan Limau Manis, Jalan Bukit Tengah	Buahan Bermusim
3	SEBERANG PERAI SELATAN (SPS)	1	Jalan Susur Hadapan Kompleks Makanan Pejabat Daerah dan Tanah, Taman Jawi	Buahan Bermusim
		2	Tapak Pasar Malam, Bersebelahan Masjid Jamik Kepala Gajah	Buahan Bermusim
		3	Tapak Pasar Malam Sungai Acheh	Buahan Bermusim
		4	Tapak Pasar Malam Taman Belatuk	Buahan Bermusim
		5	Taman Fajar, Jalan Nibong Tebal (Hadapan Rumah Kedai)	Buahan Bermusim

LAMPIRAN 2

SENARAI LOKASI PERNIAGAAN SEDIA ADA BAGI AKTIVITI PERNIAGAAN BERMUSIM

BIL	DAERAH	KOD	SENARAI LOKASI PERNIAGAAN	JENIS PERNIAGAAN
1	SEBERANG PERAI UTARA (SPU)	1	Parkir / Belakang Kedai 2 Tingkat, Lorong Perniagaan Melur 1, Jalan Raja Uda	Barangan Hamper / Barangan Perayaan
		2	Kawasan Lapang (Perhentian bas), Jalan Bagan Lalang	Barangan Hamper / Barangan Perayaan
		3	M Veggie, No 152, Blok F, Jalan Raja Uda, Butterwoth	Barangan Hamper / Barangan Perayaan
		4	Berhadapan Aik Choong, Jalan Raja Uda, Butterwoth	Barangan Hamper / Barangan Perayaan
		5	Maybank jalan Ong Yi How, Raja Uda	Barangan Hamper / Barangan Perayaan
		6	Berhadapan Pin Pin Tomyam (Kawasan Lapang), No 6177, Jalan Raja Uda, Butterwoth	Barangan Hamper / Barangan Perayaan
		7	Lorong Perniagaan Melur Satu, Butterwoth	Barangan Hamper / Barangan Perayaan
		8	Kawasan Lapang, Lot 5406, Sek 3, Butterwoth	Barangan Hamper / Barangan Perayaan
		9	Jalan Sungai Nyiur, Butterwoth	Barangan Hamper / Barangan Perayaan
		10	No 6179, Jalan Raja Uda, Butterwoth (Berhadapan Hotlink)	Barangan Hamper / Barangan Perayaan
		11	Hadapan Premis No 6563, Jalan Raja Uda, Butterwoth	Barangan Hamper / Barangan Perayaan
		12	Lorong Bunga Raya, Jalan Raja uda, Butterwoth	Barangan Hamper / Barangan Perayaan
		13	Blok F Jalan Raja Uda, Butterwoth	Barangan Hamper / Barangan Perayaan
		14	Jalan Teratai, Berhampiran 918 Kopitiam, Jomin Fabric, Jalan Raja Uda, Butterwoth	Barangan Hamper / Barangan Perayaan

	15	Berdekatan Restaurant Jalan Sheng. No 80, Lorong Cegar 2, Taman Cegar, Butterworth	Barangan Hamper / Barangan Perayaan
	16	DIY Raja Uda	Barangan Hamper / Barangan Perayaan
	17	Lorong Teras Jaya 8, Butterworth	Barangan Hamper / Barangan Perayaan
	18	Unique Florist, Jalan Ong Yi How	Barangan Hamper / Barangan Perayaan
	19	Ban Huat Elec, Jalan Paku Lima, Bagan Ajam	Barangan Elektrik
	20	Jalan Thamby Kecil, Bagan Ajam	Barangan Hamper / Barangan Perayaan
	21	Persiaran Pokok Sena, Kepala Batas	Barangan Hamper / Barangan Perayaan
	22	Jalan Dagangan 2, 5, 8, 9, 10 Bertam	Barangan Keperluan
	23	Bertam Perdana, Persekitaran Sunshine	Barangan Keperluan, Barangan Hamper, Barangan Rumah
	24	Billion, Jalan Telaga Air	Barangan Keperluan
	25	Bandar Putra Bertam, Kepala Batas	Barangan Keperluan / Barangan Hamper / Barangan Rumah
	26	Taman Aman Putra, Kepala Batas	Barangan Elektrik
	27	Haz Furniture, Jalan Harmoni, Tasek Gelugor	Barangan Rumah
	28	Sri Subham, Jalan Padang Benggali, Butterworth	Barangan Hamper / Barangan Perayaan
	29	Berjaya Hardware, Jalan Capri, Butterworth	Barangan hardware
	30	Hadapan Kuil Kepala Batas, Sekolah Hashim Awang, Jalan Padang Kelab	Barangan Hamper / Barangan Perayaan
	31	Ananda Sahti, Jalan Bagan Luar	Barangan Hamper / Barangan Perayaan

		32	Weeli Hardware, Jalan Bagan lallang	Barangan hardware
		33	Lorong Baiduri 1, Taman Baiduri, Butterworth	Barangan Hamper / Barangan Perayaan
		34	Jalan Harmoni, Tasek Gelugor	Barangan Hampers /Barangan Runcit
		35	Taman Seri Merbau	Barangan Hampers / Barangan Runcit
		36	Taman Merbau Indah, Sungai Dua (1)	Barangan Hampers / Barangan Runcit
		37	Taman Merbau Indah, Sungai Dua (2)	Barangan Hampers / Barangan Runcit
		38	Pusat Perniagaan Sungai Dua	Barangan Hampers / Barangan Runcit
		39	Jalan Selayang Utama (Pasaraya JMS Supermart)	Barangan Hampers / Barangan Runcit
		40	Taman Sungai Dua Utama	Barangan Hampers / Barangan Runcit
		41	Tanah Lapang Hadapan Rumah Pangsa Taman Mesra, Jalan Bagan Lallang	Makanan Perayaan
		42	Berhadapan Pasaraya JMS Jalan Sungai Puyu	Hamper/Hadiah
		43	Hadapan Taman Dedap Jalan Ong Yi How	Makanan Perayaan
2	SEBERANG PERAI TENGAH (SPT)	1	Miou Hui Vegetarian Rest, No 190, Jalan Tembikai, Padang Lalang, Bukit Mertajam	Makanan dan minuman semasa tahun baru cina
		2	Persiaran Impian, Hadapan Tesco Alma, Bukit Mertajam	Jualan promosi mengikut musim perayaan
		3	Padang / Dewan MBSP, Jalan Tembikai, Padang Lallang, Bukit Mertajam	Jualan promosi mengikut musim perayaan
		4	No 108, 112 & 114, Jalan Tembikai, Padang Lallang, Bukit Mertajam	Jualan promosi mengikut musim perayaan
		5	Kawasan Lapang Hadapan Deretan Kedai, Jalan Berjaya, Bukit Mertajam	Jualan promosi mengikut musim perayaan




	6	Parkir Bermula Di Kedai P Fashion No 3, Lorong Berjaya Setia 5, Taman Berjaya Indah	Jualan promosi pakaian
	7	Ling Zhu Tang Dojo Arts Centre, No 115, Lorong Tembikai 1, Kawasan Perniagaan Seri Rambai, Bukit Mertajam	Keagamaan
	8	No 2035, Jalan Bukit Minyak, Kawasan Industri Ringan Asas Jaya, Bukit Mertajam	Keagamaan
	9	Hadapan 19 Delecious Restaurant. No 3, Medan Seri Impian 4, Pusat Perniagaan Seri Impian	Jualan nasi ekonomi (tahun baru cina)
	10	Siang Elektrik, Jalan Station	Promosi barang elektrik
	11	Billion Seberang Jaya, Bandar Sunway, Seberang Jaya	Jualan promosi mengikut musim perayaan
	12	Pusat Perniagaan Maju Jaya	Jualan promosi mengikut musim perayaan
	13	Jalan Pasar, Bukit Mertajam	Jualan promosi mengikut musim perayaan
	14	Pusat Perniagaan Alma	Jualan promosi mengikut musim perayaan
	15	Taman Machang Bubok, Alma	Jualan promosi mengikut musim perayaan
	16	Taman Tenang, Jalan Kulim, Bukit Mertajam	Jualan promosi mengikut musim perayaan
	17	Milano Living, Jalan Baru	Jualan promosi perabot
	18	Kawasan Parkir Usahaniaga, Bukit Mertajam	Jualan promosi mengikut musim perayaan
	19	Pusat Perniagaan Seri Impian	Jualan promosi mengikut musim perayaan
	20	Ms Cash Carry, Medan Seri Impian 3, Pusat Perniagaan Seri Impian	Jualan barangan runcit dan barang sembahyang (deepavali)
	21	Csm Perfect, Jalan Ooi Kai Seng	Jualan promosi mengikut musim perayaan

		22	Jalan Rozhaa, Bukit Mertajam	Jualan promosi mengikut musim perayaan
		23	Petak Parkir Usahaniaga, Bukit Mertajam	Jualan promosi mengikut musim perayaan
		24	Chan's Furniture, Jalan Padang Lallang, Bukit Mertajam	Promosi perabut dan barang elektrik
		25	Amy Vegetarian, Berhadapan Kedai No 31, Tangling Indah, Simpang Ampat	Jualan promosi mengikut musim perayaan
		26	Petak Parkir, Taman Chai Leng, Perai	Barangan Hamper / Barangan Perayaan
		27	Autocity, Jalan Perusahaan, Perai	Jualan promosi mengikut musim perayaan
		28	Pusat Perniagaan Juru Jaya	Jualan promosi mengikut musim perayaan
		29	Lorong Pinang 1, Kampung Juru	Barangan Hamper / Barangan Perayaan
		30	One City, Juru	Jualan promosi mengikut musim perayaan
		31	Jalan Susur Hadapan Lotus Alma, Jalan Rozhan, Bukit Mertajam	Mengikut musim perayaan
		32	Hadapan Dewan Orang Ramai Taman Mutiara, Jalan Tembikai	Hamper
3	SEBERANG PERAI SELATAN (SPS)	1	Hadapan Restaurant Zhen Xiang, No 1260, Jalan Bukit Tambun, Simpang Ampat	Hamper cina
		2	Siang Eelektrik, Lorong Jawi Jaya 3, Taman Jawi Jaya	Barang elektrik
		3	Tanah Lapang, Kawasan Rukun Tetangga Tambun Jaya	Aktiviti keagamaan
		4	Weely Eelectrical, Jalan Keruing	Barang elektrik
		5	Berhadapan Bandar Tasek Mutiara 88 Food Court, Lorong 22/SS1, Bandar Tasek Mutiara, Simpang Ampat	Hamper cina / keagamaan
		6	Parkir Hadapan Kedai 398 Kopitiam, Lorong 22/SS1, Bandar Tasek Mutiara	Hamper cina / keagamaan

	7	Jalan Bukit Tambun, Simpang Ampat	Barangan Keagamaan / Perayaan
	8	Jalan Tangling Indah, Taman Tangling, Simpang Ampat	Barangan Keagamaan / Perayaan
	9	Jalan Keruing, Taman Keruing, Simpang Ampat	Barangan Keagamaan / Perayaan
	10	Lorong 22/SS1, Bandar Tasek Mutiara, Simpang Ampat	Barangan Keagamaan / Perayaan
	11	Hadapan Pusat Snooker Taman Nibong Tebal Jaya	Hamper cina
	12	Jalan Ooi Kar Seng, Nibong Tebal	Barangan Keagamaan / Perayaan

LAMPIRAN 3

CONTOH LOKASI PENJAJAAN

Bil	Jenis Penjajaan	Lokasi	Gambar
1.	Makanan & Minuman	Jalan Padang Kelab, Kapala Batas	
2.	Makanan & Minuman	Taman Ciku, Bukit Mertajam	
3.	Pasar Pagi	Jalan Nangka, Bukit Mertajam	




4.	Pasar Malam	Pasar Malam Permatang Kerai Kecil	
----	-------------	-----------------------------------	--

CONTOH LOKASI PENJAJAAN BERMUSIM

Bil	Jenis Penjajaan	Lokasi	Gambar
1	Lemang	Tapak Kayangan, Bertam	
2	Buah - buahan Bermusim	Tapak Kayangan, Bertam	
3.	Buah - buahan Bermusim	Pusat Perniagaan Seri Juru No Permit : BBB/20240521/4528	

4	Bunga Api	Jalan Raja Uda	
5.	Bazar Aidilfitri	Mahabbah Bertam, Kepala Batas	
6	Bazar Aidilfitri	Seberang Jaya	

7	Buah - buahan Bermusim	Pusat Perniagaan Seri Juru No Permit : BBB/20240521/4528	
8.	Barangan Perayaan/ pakaian/ Makanan	Jalan Padang Benggali, Tasek Gelugor	
9.	Hadiah/Hamper	Jalan Raja Uda, Taman Sin Tat, Bagan	

<p>10.</p>	<p>Keagamaan</p>	<p>Ling Zhu Tang Dojo Arts Centre, No 115, Lorong Tembikai 1, Kawasan Perniagaan Sri Rambai, Bukit Mertajam</p>	
<p>11.</p>	<p>Jualan Promosi pakaian</p>	<p>Parkir Bermula Di Kedai P Fashion No 3, Lorong Berjaya Setia 5, Taman Berjaya Indah</p>	
<p>12.</p>	<p>Barangan Elektrik</p>	<p>Taman Aman Putra, Kepala Batas</p>	

<p>13.</p>	<p>Barangan Elektrik</p>	<p>Weely Electrical, Jalan Keruing</p>	
------------	--------------------------	--	--